

Proses Kreatif A. Samad Said dalam Penghasilan Karya Kreatif

Abdul Halim Ali

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan memahami aktiviti-aktiviti dalam proses kreatif A. Samad Said berasaskan model proses kreatif Graham Wallas. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif berpandukan data kepustakaan dan temu bual. Data dalam bentuk kepustakaan dan temu bual dihurai secara deskriptif berpandukan empat peringkat perkembangan proses kreatif Graham Wallas. Hasil kajian menemukan lima peringkat perkembangan kreatif A. Samad Said, iaitu peringkat pencambahan, pencarian diri, menemui diri, membina keperibadian dan peringkat keunggulan. Selain itu, kajian ini juga dapat menunjukkan koherensi gerak kerja kognitif A. Samad Said dengan karya yang dihasilkan berasaskan lima peringkat perkembangan kreatifnya. Hasil kajian juga menunjukkan, ada beberapa gerak kognitifnya yang terkeluar daripada kerangka model Wallas. Hasil kajian ini menunjukkan, proses kreatif pengarang bergerak secara tersusun dan bertahap dengan gerak kognisinya. Sementara itu, aspek yang ada signifikansi agama khususnya berkait dengan niat pengarang tidak dapat dijelaskan dengan model ini. Berasaskan hasil daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan satu penelitian lebih luas terhadap pengarang-pengarang lain penting dilakukan bagi merangka sebuah model proses kreatif berasaskan nilai-nilai Melayu dan Islam yang boleh dijadikan asas memahami proses kreatif pengarang muslim.

Kata kunci proses kreatif, kreativiti, inkubasi, iluminasi, pengesahan

Abstract

The aim of this study is to identify the coherence between the manners of inner activities of A. Samad Said's creative process with the creative works based on Graham Wallas's model. This study is a descriptive analysis that used data from the library and interview sessions. The result found five steps of A. Samad Said's creative process, its called brainstorming, self searching, self knowing, characteristic building/ individuality and idealistic. The findings also show that the writer's creative process moves in staged and chronology and significant to the cognitive activities. The Islamic signification aspects, especially the 'niat' of writer couldn't be described through Wallas's model. Based on these findings, a comprehensive research on other writers should be conducted in order to produce a suitable model that integrate the Malay and Islamic values to become a good foundation on understanding of Muslim writer's creative process.

Keywords *creative process, creativity, incubation, illumination, verification.*

Pengenalan

Pengarang merupakan pihak yang paling hampir keterlibatannya dalam proses kreatif. Keterlibatan langsung pengarang dapat dirujuk kepada dua bentuk proses, iaitu proses kognitif dan proses penulisan. Menurut Mana Sikana (1998), pengarang mendapat ilham sewaktu berada dalam alam bawah sedar (*subconscious*), kemudian menuliskan ilhamnya dalam bentuk perkataan apabila berada dalam keadaan sedar (*conscious*).

Proses kognitif berfungsi dan aktif sewaktu pengarang berada dalam alam separuh sedar. Proses penulisan pula berfungsi apabila pengarang berada dalam keadaan sedar. Sarjana memberi tumpuan serius bagi memahami hubungan yang berlaku terhadap perlakuan minda manusia, meliputi persoalan cara manusia memperoleh dan memahami berbagai-bagai konsep yang mudah serta kompleks (Komatsu, 1992 dan Medin, 1989 dalam Thomas B. Ward, et al, 1997: 2).

Memahami proses yang berlaku dalam mental manusia adalah paling penting daripada memikirkan kreativiti. Kreativiti menurut Thomas, et al (1997) ialah hasil selepas daripada semua proses kreatif.

Proses kognitif menyimpan rahsia di sebalik kebolehan luar biasa seseorang pengarang. Hal inilah, menurut Thomas J. Barry (2002) yang membezakan manusia dengan manusia lain. Di sebalik sifat kreatif pengarang itu, timbulnya cakap-cakap dan ungkapan-ungkapan orang bahawa bahasa puisi penyair itu sangat puitis, sajaknya sangat indah dan menarik, dan bermacam-macam lagi.

Atmazaki (1993) merumuskan, keadaan demikian terjadi kerana sesetengah penyair memiliki keistimewaan tertentu dan sesetengah penyair lain tidak. Fenomena ini memberi kefahaman bahawa penyair merupakan manusia yang mempunyai daya dan kreativiti yang tinggi.

Kebolehan penyair menzahirkan kata-kata yang indah, puitis, dan padat makna meletakkan dirinya sebagai manusia yang luar biasa di mata umum. Sifat luar biasa penyair menjadi asas tanggapan klasik terhadap penyair 'diwahyukan' atau seorang nabi yang menerima ilham dan dewa-dewa berkata-kata melaluinya (M.K Danziger & W.S. Johnson, 1991: 17).

Daya kreatif ialah sumber utama kreativiti. Daya ini berfungsi dalam ruang abstraksi dan terpancar hasilnya menerusi kreativiti pengarang dalam sesebuah karya. Kesan atau tanda itu mudah dilihat, dirasa, dan diapresiasi oleh pembaca.

Dalam sesebuah puisi, kreativiti penyair dapat dikesan melalui penggunaan diksi, bunyi, dan irama; demikian juga susunan baris, perkataan dan rangkap turut menyimpan rahsia kreativiti penyair. Karya kesusasteraan yang terhasil daripada seseorang penyair dianggap sebagai karya kreatif yang tinggi nilai seninya. Menurut pandangan klasik, kesusasteraan ialah kebijaksanaan paling halus (M.K Danziger & W.S. Johnson, 1991: 18).

Dalam era *Romantisisme*, penyair merupakan manusia yang sangat dikagumi dan diagungkan. Kebolehan penyair menghasilkan kata-kata indah dan luar biasa serta meninggalkan kesan besar terhadap perasaan manusia menjadi dasar aliran *Romantisisme* tentang karya kesusasteraan sebagai pernyataan perasaan yang paling murni dan mengesankan.

Penyair dianggap sebagai manusia genius yang berupaya menangkap serta merakamkan kebenaran tentang manusia, yang tidak dapat dirasakan oleh kebanyakan orang melalui khayalan dan perasaannya (M.K Danziger & W.S. Johnson, 1991: 18).

Daripada golongan *Romantisisme* ini lahir *Teori Perasaan*, sesuai dengan kata-kata William Wordsworth, puisi itu ialah pernyataan perasaan yang imaginatif (Rachmat Djoko Pradopo, 2000:6) dan

curahan spontan perasaan yang meluap-luap (M.K Danziger & W.S. Johnson, 1991: 18).

Jelasnya, proses kognitif merupakan bahagian yang sangat penting daripada keseluruhan proses kreatif penciptaan karya. Menurut Othman Puteh (1997), insan kreatif (pengarang) bagai suatu titik ataupun pusat bermula muaranya satu riak alun yang mengembang, merempuh segala sesuatu yang berada di sekitaran dengan keupayaan tertentunya bagi memungkinkannya keluar menemukan sesuatu yang baharu, yang tidak lazim.

Demikianlah juga penjelasan Thomas, et al (1997) yang menyebutkan bahawa manusia merupakan pembina struktur kognitif yang paling menakjubkan. Minda manusia menjadi pusat segala kemungkinan dan keberhasilan yang tidak terjangkau.

Edward De Bono (1989) memberi gambaran ringkas tentang tugas minda manusia dalam ruang kognitif. Minda manusia menurut De Bono, berfungsi sebagai suatu sistem pembuat pola. Sistem maklumat daripada minda berkerja untuk menciptakan dan mengenal pola-pola tersebut.

Minda manusia pengarang juga mempunyai peranan dan fungsi yang serupa, iaitu membina pola-pola supaya sistem maklumat yang tersedia ada dalam minda tersebut dapat pula mengenali sesuatu yang disifatkan sebagai kreatif.

Keunikan minda manusia pengarang, khususnya penyair, menarik minat pengkaji di Barat melakukan kajian demi kajian untuk mengetahui rahsia di sebalik kebolehan penyair menghasilkan karya yang indah dan puitis. Antara pengkaji tersebut ialah Henri Poincare, Arthur Koestler, Catherine Patrick, Jan Eindhoven Edger Vinacke, dan banyak lagi.

Perbincangan tentang proses kreatif dan kreativiti juga turut melibatkan sarjana sastera di Malaysia. Antara tokoh yang terlibat ialah Mana Sikana, Shahnon Ahmad, Hassan Langgulung, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, Jaafar Abdul Rahim, A. Samad Said, Othman Puteh, Abdullah Tahir, Hizairi Othman, dan Mohd Yusof Hassan.

Proses kreatif juga dibincangkan secara tidak langsung dalam Teori *Teksdealisme* yang dikemukakan oleh Mana Sikana dan teori *Sistem Pemikiran Bersepadu 4K* (SBP4K) oleh Mohd Yusof Hassan. Walau bagaimanapun, perbincangan secara serius berlandaskan prinsip teoretikal Melayu masih samar dan kurang mendapat tempat. Othman Puteh (1997), turut membincangkan proses kreatif dalam penciptaan karya kesusasteraan dengan mengemukakan teori penciptaan karya berasaskan peranan pengarang dan agama.

Bagi seseorang penulis khususnya bertaraf Sasterawan Negara seperti A.Samad Said yang berjaya menghasilkan karya kreatif pelbagai genre yang bernilai dan memperoleh pengiktirafan tertinggi adalah sesuatu yang mengagumkan. Kehebatan A.Samad Said ini telah menarik pelbagai kajian dilakukan untuk mencungkil rahsia kreatif yang berlaku dalam penghasilan karya kreatif. Dalam melihat daripada perspektif yang berbeza, kajian ini menyakini bahawa amat wajar dan penting proses kreatif A.Samad Said diperhalusi untuk memahami hubungan proses dengan hasil karya yang dihasilkan.

Permasalahan

Perbincangan tentang proses kreatif dan kreativiti dalam penciptaan karya lebih tertumpu kepada proses penulisan yang berlaku pada aras kesedaran pengarang, dan kurang memberi perhatian kepada proses kognitif yang melibatkan alam bawah sedar pengarang itu sendiri.

Sehingga kini, tidak ada kajian dilakukan bagi menjelaskan secara tuntas, proses kognitif pengarang atau penyair Melayu dalam proses penciptaan karya. Walhal, sudah ramai pengarang dan penyair Melayu dinobatkan dengan pelbagai anugerah, hadiah dan pengiktirafan. Sehingga kini, sudah sembilan orang sasterawan Melayu yang dianugerah Anugerah Sastra Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara. Tiga daripada penerima anugerah ini ialah daripada kelompok penyair. Sudah pasti, anugerah, hadiah dan pengiktirafan yang diberikan itu berasaskan kepada kualiti karya dan sumbangan karya yang dicipta dan digubah oleh pengarang atau penyair berkenaan. Saya kira, selain daripada memberi penghargaan dan pujian kepada para sasterawan ini, amat penting diselidik bagi mengetahui apakah gerak kerja yang mereka hasilkan sehingga berjaya membuahkannya bahasa yang indah dan menarik.

Golongan Sasterawan Negara merupakan kelompok pengarang atau penyair yang dianggap paling tinggi martabat dan kedudukannya dalam dunia sastra Malaysia. Penglibatan dan karya mereka diiktiraf berkualiti serta mengesankan pembangunan kesusasteraan Melayu dan membijaksan masyarakatnya. Penganugerahan ini berasaskan kriteria tertentu. Menurut Zainab Kassim (2004), berasaskan kriteria yang digariskan, kita dapat melihat ada semak *pattern* yang menjustifikasikan bahawa mereka memang wajar dan layak menerima anugerah tertinggi ini dalam konteks waktu dan zamannya (lihat

juga Hamzah Hamdani,2004). Sebagai penerima anugerah tertinggi negara, tidak salah jika mereka dianggap sebagai sudah mencapai tahap keunggulannya. Anugerah Sastera Negara merupakan kemuncak pengiktirafan negara terhadap penglibatan dan sumbangan sasterawan kepada dunia sastera dan negara juga. Mencari dan mencapai idealisme atau keunggulan menjadi cita-cita utama dalam kerja-kerja kepengarangan (Mana Sikana, 1996: 118). Itulah puncak kepada misi kepengarangan Melayu. Malah, lingkungan idealisme itu seharusnya juga mencecah sempadan Nusantara dan antarabangsa (Othman Puteh, 1997, Sahlan Mohd Saman, 2000).

Menghalusi persoalan ini, bermakna pembaca masih belum mengetahui dan memahami apakah yang terjadi dan berlaku dalam proses kognitif pengarang /penyair besar ini sangat yang membolehkan mereka mampu menghasilkan karya-karya kesusasteraan yang tinggi nilai seninya. Tiada jawapan yang ditemui untuk menjelaskan fenomena estetik yang terhasil daripada kerja-kerja minda sasterawan sewaktu berada dalam proses kreatif.

Untuk memahami keunikan dan sifat luar biasa penyair, maka satu pengamatan terhadap proses pemikirannya perlu dilakukan, dengan tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan pola pemikiran, sehingga kepada peringkat penulisan dan keberhasilan karya. Proses kognitif penyair lebih bersifat peribadi. Oleh kerana itu, ia menampilkan kesan-kesan yang berbeza pada seseorang penyair dengan penyair lain yang terkesan pada karya yang disifatkan oleh khalayak sebagai indah, kreatif dan puitis.

Perbincangan ini diketengahkan berasaskan keyakinan bahawa aspek kognitif merupakan aspek yang sangat penting kepada keberhasilan penciptaan sesebuah karya, di samping aspek penulisan yang menyusul kemudiannya. Selain itu, tulisan ini juga bertujuan memperjelaskan secara terbuka fenomena-fenomena yang terlibat dalam operasi mental penyair bertaraf Sasterawan Negara dalam penciptaan puisi.

Objektif

Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti aktiviti yang berlaku dalam proses kreatif sasterawan berasas model proses kreatif Graham Wallas. Selain itu, makalah ini juga membincangkan perkaitan aktiviti dalam proses `kreatif` dengan penghasilan karya kreatif.

Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, analisis dipandu dengan dua soalan kajian, iaitu:

1. Apakah aktiviti-aktiviti yang berlaku dan dilakukan oleh sasterawan dalam setiap peringkat proses kreatif?
2. Sejauh manakah perkaitan di antara aktiviti-aktiviti yang berlaku dan dilakukan itu dengan penghasilan sesebuah karya kreatif?

Kajian Literatur Tentang Proses Kreatif A. Samad Said

Banyak kajian dilakukan terhadap karya A.Samad Said, khusus genre novel dan cerpen. Walau bagaimanapun kajian yang dilakukan lebih menjurus kepada aspek tekstual dengan fokus kepada analisis kandungan (contain analysis). Mohamad Fauzi Yunus (1989) mengkaji aspek persoalan dalam novel *Hujan Pagi*, sementara Mohd Rozi Ibrahim (1991) pula mengkaji aspek intrinsik dalam novel yang sama.

Hizairi Othman (1996) melihat proses penciptaan novel *Hujan Pagi*. Beliau menemukan pengalaman penulis yang ditimba daripada ibunya sebagai dorongan kepada penciptaan novel tersebut. Sahlan Mohd Saman (1993) menganalisis novel-novel A.Samad Said juga menemukan pengalaman baharu dan lama penulis sebagai sumber inspirasi pengkaryaan.

Sahlan (1989), Rahmat Haroun (1990) juga pernah meneliti novel *Hujan Pagi* dari sudut tekstualnya. Demikian juga Abdullah Tahir (1989) telah mengkaji proses penciptaan novel *Hujan Pagi*. Othman Puteh (1993) mengkaji cerpen-cerpen A.Samad Said dari sudut tema dan persoalan.

Kajian-kajian yang dilakukan terhadap novel dan cerpen A.Samad Said lebih menjuruskan kepada aspek tekstual, menganalisis kandungan teks bagi menemukan signifikasi formaliti dan strukturalitinya. Hanya kajian yang dilakukan oleh Abdullah Tahir (1990, 1995) dan Hizairi Othman (1996) yang menampakkan usaha menyelongkari ruang kognitif A.Samad Said dalam proses penciptaan novel *Hujan Pagi*. Namun, Hizairi tidak melakukan dengan baik, kerana dibimbangi akan mengulangi perkara yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Dalam hal ini, Hizairi menyebutkan seperti berikut:

Proses penciptaan karyanya yang terdahulu dan biografi A.Samad Said telah banyak dikaji dan dibukukan. Melaluinya khalayak dapat mengutip banyak perkara, termasuklah untuk memahami serba sedikit proses penciptaan karya-karyanya. Oleh sebab itu, buku (kajiannya merupakan satu daripada bab buku beliau yang berjudul Kreativiti dalam penciptaan karya sastera) ini tidak mengulangi perkara yang sama.

(Hizairi Othman, 1996:43)

Dalam kajiannya, Hizairi merumuskan, pengalaman dan pembacaan sebagai dorongan yang mencetuskan keinginan A.Samad Said berkarya. Meskipun memiliki pengalaman yang banyak, namun A.Samad bersikap selektif dan prioritis terhadap pengalaman-pengalaman yang ada di hadapannya. Sikap ini menurut Hizairi, menjadi punca kelambatan penerbitan novel *Hujan Pagi*. Pembacaan menyumbang input dalam bentuk rencam idea dalam minda A.Samad Said. Jika diperlukan, idea-idea itu akan 'dipanggil' untuk diluahkan dalam karya.

Pada dasarnya, kajian Hizairi juga lebih menjurus kepada analisis kandungan (intrinsik). Jadi, hasil kajian lebih menonjolkan aspek tekstual seperti watak-watak yang digunakan, aliran yang dibawa, metode penulisan, teknik dan plot cerita. Sedikit sumbangan daripada kajian Hizairi inilah berkenaan fenomena kognitif yang ditemui pada peringkat permulaan kehadiran idea bagi menghasilkan novel. Namun, pemeringkatan proses kreatif ini tidak dirujuk kepada mana-mana model yang sedia ada. Bagi pengkaji, kekurangan ini amat menjejaskan perjalanan mencari makna di sebalik proses-proses kreatif yang berlaku kepada SN. Datuk A.Samad Said.

A.Samad Said telah melalui pengalaman penciptaan karya kesusasteraan lebih dari 50 tahun. Penglibatan awalnya bermula pada tahun 1950-an. Sebelum memasuki dunia penulisan, A.Samad Said telah menempuh pelbagai pengalaman pahit. Peperangan yang melanda Tanah Melayu dan Singapura menjadikan zaman kanak-kanaknya suatu era yang sulit, perit dan payah.

Tempoh tiga tahun pendudukan Jepun dan peperangan yang berlaku mempamerkan di hadapan pandangannya wajah sebenar masyarakat ketika itu yang dilanda kesengsaraan dan huru-hara. Pengalaman ini telah mengalirkan bakat dan kebolehannya melukiskan semula pengalaman itu dalam bentuk karya.

Kemala (2000: 24) membahagikan penglibatan kepenyairan A.Samad Said kepada lima tahap, iaitu tahap awal (1954 - 57), tahap bersama penyair kabur (1958 - 62), era eksperimen (1963 - 1973), era naratif dan balada (1974 - 1984) dan era kredo dan metafora (1985 - 1995). Jika diamati, pentahapan yang dibuat oleh Kemala ini sebenarnya didasarkan kepada gaya perpuisian A.Samad itu sendiri.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang menggabungkan dua kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Gabungan dua kaedah ini penting kerana data yang diperolehi di lapangan memerlukan sokongan kukuh data kepustakaan, khususnya daripada sumber buku yang dihasilkan oleh A.Samad Said sendiri dan juga hasil-hasil kajian pengkaji terdahulu yang termuat dalam buku-buku dan kertas kerja seminar.

Kaedah Lapangan

Data kajian dipungut langsung daripada responden kajian di lapangan menerusi kaedah temu bual. Pengkaji menggunakan set soalan temu bual berstruktur di samping alat perakam suara bagi merekod temu bual. Dua kali pertemuan di lapangan telah diadakan bagi tujuan mencerap data dalam bentuk temu bual.

Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini digunakan bagi memungut data yang tersedia ada dalam hasil kertas kerja, hasil penyelidikan, buku dan akhbar. Sumber kepustakaan yang utama dirujuk ialah buku tulisan A.Samad Said sendiri berjudul *Dari Salina Ke Langit Petang* (1987) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Data kepustakaan ini disepadankan dengan data di lapangan bagi mengukuhkan dapatan kajian.

Analisis Data

Data kajian yang diperolehi menerusi kaedah temu bual dan sumber kepustakaan dianalisis dan dibincang secara deskriptif berteraskan

model Proses Kreatif Graham Wallas. Penggunaan model ini penting untuk menstrukturkan setiap aktiviti yang berlaku dalam proses kreatif mengikut empat tahap proses sebagaimana yang dicadangkan oleh Graham Wallas.

Model Proses Kreatif Graham Wallas

Salah satu model proses kreatif terawal dikemukakan oleh Graham Wallas pada tahun 1926. Wallas mencadangkan tahap proses pemikiran kreatif kepada empat peringkat, iaitu:

1. Persediaan (*preparation*) meliputi definisi isu, keperluan, keinginan pemerhatian dan kajian. Pada peringkat ini, tindakan menyusun cerita bagi persediaan penyelesaian juga dilakukan.
2. Pemeraman (*incubation*). Membiarkan idea atau permasalahan dalam minda untuk diselesaikan atau dikeluarkan semula.
3. Pengeluaran/penghasilan (*Illumination*) saat idea baru muncul pada akhirnya. Idea-idea ini boleh menjadi pecahan dari satu keseluruhan atau satu keseluruhan itu sendiri.
4. Pengesahan (*verification*) penyemakan untuk mengesahkan maklumat yang akan digunakan.

Torrance (1988) mendakwa, model Wallas merupakan asas kepada program latihan berkaitan pemikiran kreatif yang digunakan pada masa kini. Walau bagaimanapun, tahap-tahap dalam model ini bukannya yang pertama dan terakhir, kerana tanggapan terhadap pemikiran kreatif bermula dengan persediaan yang sebaiknya dan berakhir dengan penentusahan yang kritis, dan ini menyarankan pemikiran analitis dan kreatif sebenarnya salinan lengkap melengkap. Pemikir yang kreatif belajar dan menganalisis, tetapi mereka mempunyai mekanisme melakukan tanggapan yang telah dilatih untuk menyatakan sesuatu perkara yang orang lain tidak boleh buat.

Analisis dan Perbincangan

Berasaskan data kepustakaan dan temu bual yang dilakukan dibincangkan aktiviti-aktiviti yang berlaku dan dilakukan oleh A.Samad Said dalam proses penciptaan karya, seperti pengalaman dunia bawah sedar, mengumpul maklumat, membuat pembetulan,

pembacaan semula berulang-ulang, koreksi, menyimpan idea dan peringkat menulis. Tindakan-tindakan ini akan disesuaikan dengan model proses kreatif *Graham Wallas*, untuk melihat sejauh manakah, model ini sesuai dan dapat diaplikasikan kepada penulis Melayu. Model proses kreatif Wallas mencadangkan empat tahap utama, iaitu *preparation* (persediaan), *incubation* (pemeraman), *illuimination* (iluminasi) dan *verification* (varifikasi).

Peringkat Persediaan (*Preparation*)

1. Membaca Karya Penulis Lain

Secara umum, A.Samad Said menjelaskan, semua karya yang dihasilkannya melalui satu perancangan, baik perancangan itu teratur atau tidak. Perancangan ini dilakukan secara sadar dengan keinginan yang timbul dari dunia nyata. Dalam kes penghasil novel *Salina*, A.Samad Said menyedari tujuan dan matlamatnya. Malah pemilihan *Salina* itu dibuat kerana pengalaman hidup dalam masyarakat yang musnah dilanda perang itu masih segar dan baharu dialaminya.

Tidak sekadar A.Samad Said sadar tentang pengalaman yang dialaminya, malah beliau juga sadar tentang watak *Salina* itu sendiri. Kesedaran ini telah menyiapkan persediaan baik untuk beliau menulis *Salina* tanpa perlu merujuk kepada karya-karya sebelumnya, meskipun beliau sadar, kehadiran tokoh-tokoh penulis besar baik di Barat mahupun di Indonesia serta karya novel masing-masing telah lama melekat di mindanya. Dalam konteks memilih watak *Salina*, A.Samad Said melakukannya dengan cara membandingkannya dengan watak-watak dan cerita-cerita yang pernah dibacanya sebelum itu. Hasil perbandingan itu, beliau menyatakan, seingat-ingat saya di waktu itu tidak ada pun cerita lain yang serupa dengannya, saya merasa, malah percaya, ia sebuah cerita 'asli', satu unsur penting bagi sesebuah karya sastra (A.Samad Said, 1987: 42-43).

Demikianlah halnya dengan proses penciptaan novel *Sungai Mengalir Lesu* dan *Langit Petang*. Segala perancangan awal berlaku dalam dunia sadar (*consciousness*). Malah bagi kedua novel ini, A.Samad Said melakukan 'research' terhadap karya-karya terdahulu. Tujuan 'research' ini ialah untuk memastikan tema dan tajuk belum pernah diutarakan atau digunakan oleh penulis lain (Lihat A.Samad Said, 1987: 43).

Berasaskan maklumat temu bual dan rujukan kepustakaan, proses penulisan A.Samad Said bermula secara terancang. Perancangan ini meskipun tidak disusun atur atas kertas, namun, prosesnya amat disedari oleh penulis. Terdapat beberapa aktiviti yang berlaku pada peringkat persediaan ini. Antaranya membaca, menyelidik, mengumpul, menganalisis (membanding dan membuat pertimbangan) dan membina kerangka minda.

Proses pembacaan merupakan aktiviti paling praktikal yang dilakukan oleh A.Samad Said sebelum memasukkan diri dalam 'lorong' kreatif. Sebelum kelahiran *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu*, A.Samad telah membaca tidak kurang daripada 20 buah buku, yang terdiri daripada novel-novel pengembaraan kanak-kanak, kisah masyarakat, cinta dan perang. Aktiviti ini hadir pada peringkat awal atau peringkat persediaan sebelum proses penulisan novel bermula.

Pada peringkat ini, A.Samad Said tidak menolak pengaruh cerita-cerita daripada karya yang dibaca menjadi 'parasit' yang menjangkiti mindanya apabila sampai ke peringkat untuk memulakan penulisan. Dalam hal ini, A.Samad menegaskan, sukar untuk memperolehi sesuatu keaslian (originality) yang sepenuhnya. Setiap karya adalah bayangan atau kilatan karya lain, baik secara sedar, mahupun tidak. Bolehlah dikatakan itu satu petikan atau lintasan ilham juga (A.Samad Said, 1987: 24). Secara lebih terperinci kesan aktiviti pembacaan karya-karya lain terhadap persediaan awal menulis diceritanya oleh A.Samad Said seperti berikut:

Setelah membaca beberapa buah novel dan mengetahui ceritanya secara mesra, seseorang bakal penulis turut mula memikirkan juga beberapa cerita yang boleh dibentuknya sendiri. Cerita seperti *Balik Dari Medan Perjuangan* boleh mudah terbentuk dalam kepala saya bila saya mengulangnya beberapa kali. Kisah *The Pastures of Heaven* juga boleh terbentuk dalam kepala saya dalam latar Malaysianya. Malah cerita *Mata Intan* lebih mudah lagi terbentuk dalam kepala saya, kerana mudah dan sederhananya ia. Semakin banyak dibaca terasa semakin banyak pula cerita yang terbentuk dalam kepala saya.

Tiba satu peringkat – dan ia berbeza bagi setiap bakal penulis lain – ia akan terfikir atau memikirkan juga berbagai cerita yang sengaja direka-rekannya. Sudah tentulah cerita-cerita rekaan itu banyak terpinjam dari bauran kisah yang terkumpul dari novel-novel

yang dibacanya. Cerita-cerita dalam kepala ini aneka bentuknya, dari semudah-mudahnya kepada setakjub-takjubnya – sehingga ada yang sama sekali tidak sihat diterima akal. Berdasarkan *Di Bawah Lindungan Kaabah* misalnya, saya pernah terfikir satu kisah dua beradik yang terseksa hidupnya pergi ke England untuk menjadi doktor dan pulang memberikan perkhidmatan kesihatan percuma kepada masyarakat.

Berfikir lebih jauh kemudiannya, saya yakin dua beradik itu saya ilhami dari *The East of Eden*. Kisah deritanya saya ilhami dari *Di Bawah Lindungan Kaabah*, sementara semangat berbaktinya kepada masyarakat itu lahir dari idealisme saya sendiri yang kebetulan menyaksikan kesengsaraan manusia di masa perang.

(A.Samad Said, 1987: 24-25)

Pembacaan tentunya sudah memadai untuk membantu seseorang penulis memulakan sesuatu cerita. Proses yang lazim berlaku ialah mengintegrasikan pelbagai idea, stail, kaedah dan teknik bercerita daripada beberapa buah karya, kemudian dihasilkan karya baharu dalam bentuk yang baharu pula. Proses sebegini disebut sebagai `interteks`. Semangat karya yang dibawa sebelumnya hadir dan bercerakin dalam karya baharu. Kaedah interteks ini sangat lazim berlaku dan dilakukan oleh para penulis. Tetapi ini tidak bermakna penulis meniplak atau meniru idea penulis lain. Dalam pandangan teori, kaedah ini diberi jalan oleh Julia Kristiva menesuri teori *Intertekstualiti*.

A.Samad Said sendiri mengakui bahawa karya-karya yang dibaca awal malah penulisnya juga sangat kuat mempengaruhi proses awal penulisan novelnya. Walau bagaimanapun tergantung kepada kekuatan dan keupayaan seseorang penulis itu, sejauh manakah dia dapat memisahkan diri daripada dibayangi hipogramnya.

Salah satu cara yang dikesan daripada kreativiti A.Samad Said untuk memisahkan diri daripada bayangan hipogramnya ialah dengan melakukan penyelidikan. Penyelidikan menuntut seseorang penulis lebih serius, teliti, kritis dan analitis. Penulis akan lebih bertanggungjawab membuat pertimbangan, menerima atau menolak sesuatu untuk dimasukkan dalam karya mereka. Apatah lagi kiranya seseorang penulis berhadapan dengan usaha menghasilkan karya yang berbentuk sejarah.

Bagi A.Samad Said, penyelidikan akan membantu menyempurnakan maklumat yang diperolehi daripada pembacaan, baik dari segi kesahihan mahupun keesahannya. Penyelidikan memerlukan masa yang panjang, bergantung kepada tujuan penulisan dan skop bidang yang dikaji. Proses penciptaan karya akan berhadapan dengan karenah legaliti atau kesahihan fakta, terutama bagi karya-karya yang menyentuh secara langsung persoalan agama atau tokoh-tokoh besar Islam.

2. Mengumpul Maklumat

Proses pembacaan menyumbang maklumat yang banyak dalam minda dan hadir sebagai maklumat murni A.Samad Said sebelum disusun semula dalam bentuk yang baharu. Maklumat dalam bentuk bauran disaring dengan penuh teliti oleh A.Samad Said sebelum dirangka idea baharu. Proses penyaringan ini menurut A.Samad Said sangat sulit kerana sukar untuk memisahkan diri daripada semangat cerita terdahulu.

Dalam proses menghasilkan sajak terpanjangnya yang berjudul *Al-Amin*, A.Samad Said mengambil masa yang lama, iaitu empat tahun mengumpul maklumat tentang sejarah Rasulullah, sebaik sahaja terilham untuk menghasilkan puisi panjang ini. Beliau telah membaca dan menelaah tidak kurang dari 20 buah buku berkenaan sejarah hidup Rasulullah baik buku-buku terbitan di Malaysia, Indonesia mahupun Inggeris. Maklumat ini menjadi lebih penting tatkala A.Samad Said berdepan dengan kesukarannya memahami buku-buku dalam bahasa Arab. Inilah hakikat yang terawal terpaksa diakui oleh A.Samad Said dalam proses mengumpul maklumat. Katanya:

Saya ingin bermula dengan mengakui bahawa betapa ruginya saya kerana tidak menguasai bahasa Arab. Kerja mengkaji dan menelaah sejarah kehidupan Nabi menjadi lebih sukar tanpa penguasaan bahasa tersebut. Memang di sana sini saya dapat menangkap erti surah yang dibaca berulang kali, tapi saya berasa bahawa pengetahuan atau penguasaan bahasa Arab akan lebih akrab dapat menghantar saya kepada sumber atau inti dunia dan sejarah kehidupan Rasulullah S.A.W.

Pengumpulan maklumat dalam sebelum proses penulisan ini secara umumnya bersumberkan pembacaan. Selain daripada buku-buku sejarah yang berkaitan dengan sejarah hidup Rasulullah, A.Samad Said juga merujuk kepada buku-buku yang dituliskan oleh Heikal dan Martin Ling. Daripada buku-buku pengarang ini, A.Samad Said berjaya mempelajari kaedah membangunkan puisi panjang.

Kejayaan menyudahkan *Al-Amin*, dibantu sebahagian besarnya oleh maklumat yang dikumpul daripada pembacaan. Proses ini adalah satu aktiviti yang paling praktikal dilakukan oleh A.Samad Said secara sedar. Bagi mendapatkan kesahihan fakta sejarah kehidupan Rasulullah, A.Samad Said juga merujuk kepada individu lain yang arif tentang sejarah berkenaan, khususnya dalam kalangan ulama yang dikenalnya.

Kebergantungan *Al-Amin* kepada fakta yang benar dan sahih sangatlah tinggi. Proses penulisan *Al-Amin* akan sering terganggu kerana jika fakta perkara yang berkait dengan fakta sejarah diperlukan. Pada waktu A.Samad Said dalam keghairahan dan keasyikan menulis, adakalanya terganggu oleh kekeringan idea. Pada waktu ini proses seni terhenti seketika, sehinggalah maklumat baharu diperolehi. Pada waktu begini, A.Samad Said menggelarkannya sebagai waktu 'kosong'. Waktu kosong lazimnya digunakan oleh A.Samad Said untuk menyelidik dan mengkaji fakta sejarah yang ada. Dalam proses ini, A.Samad melakukan perbandingan fakta yang ditemui dari sumber-sumber yang pelbagai. Proses ini sangat penting bukan hanya pada peringkat persediaan, tetapi juga pada peringkat pengesahan (verification).

Kelihatan jelas proses kreatif A.Samad Said tidak dibatas secara ketat oleh pembahagian proses kreatif sebagaimana yang ditetapkan oleh Wallas, terutama apabila A.Samad Said sangat perlu kepada maklumat baharu atau maklumat yang perlu kepada 'kesahannya'. Aktiviti mengumpul maklumat disertakan dengan tindakan menyelidik dan penyelidikan itu pula dilakukan secara teliti, analitis dan berhemah, apatah lagi pada perkara yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa penting Rasulullah seperti peristiwa di Gua Hira' dan Israq Mi'raq.

3. Merangka Inti Cerita

Menurut A.Samad Said, beliau sudah terlazim berkarya dengan kerja merangka inti cerita. Aktiviti ini berlaku sewaktu mengarang novel

Salina, *Sungai Mengalir Lesu*, *Langit Petang* dan novel-novelnya yang lain. Demikian juga dengan genre puisi. Cuma merangka puisi tidak sama dengan merangka inti cerita novel. Puisi ditulis larik-lariknya dengan persiapan tema dan tujuan yang jelas. Proses pembaikan berlaku pada waktu yang tidak menentu, tetapi sangat kerap jika idea baharu, diksi baharu yang lebih sesuai ditemui.

Sebagai persediaan menulis *Sungai Mengalir Lesu*, A.Samad Said menyebutkan pentingnya beliau menyediakan `rel`. Ada dua tujuan utama mengapa beliau melakukan demikian. Pertama, supaya cerita yang dituliskan tidak memasuki rel penulis sebelumnya. Kedua, supaya cerita yang dituliskan tidak meluncur terlalu jauh tanpa perhentian. Kritikan S.Husin Ali dan Kassim Ahmad terhadap *Salina* membuktikan beliau terlalu membiarkan cerita berkembang sehingga badan *Salina* dianggap terlalu tebal. Malah perwatakan *Salina* tidak dihentikan dengan baik, sebaliknya membiarkannya kekal dengan sifat yang buruk itu.

Oleh kerana itu, proses penulisan novel *Sungai Mengalir Lesu* dan *Langit Petang* bermula dengan rel yang telah ditetapkan panjang pendeknya. Jadi, cerita yang sarat dalam kepala dan keghairahan menulis tidak membawa isinya terlalu jauh dan melerek-lerek. Untuk menetapkan rel keretapi ini, saya perlu menulis inti cerita yang telah pula berligar di kepala saya (A.Samad Said, 1987: 42).

Peringkat Inkubasi/Pemeraman (*Incubation*)

Berdasarkan kepada temu bual dan analisis kepustakaan, A.Samad Said sering menyimpan idea-idea tertentu dalam fikirannya sebelum dipastikan untuk ditulis. Penyimpanan idea-idea dalam fikiran ini berlaku sewaktu beliau dalam semua proses penghasilan karya. Walau bagaimanapun, A.Samad Said tidak dapat menjelaskan secara pasti tempoh pemeraman itu. Beliau sekadar boleh menyatakan secara umum, bahawa kadang kala beliau perlu menyimpan idea-idea tertentu untuk beberapa lama.

Dalam proses penghasilan novel *Salina* (judul asal novel ini ialah *Gerhana* yang diberikan pada tahun 1961), idea awal novel ini diperam atau disimpan dalam fikiran selama 15 tahun. Pengalaman hidup dalam perang telah mendatangkan ilham dalam bentuk berpecah-pecah, seperti puin-puin yang diterbang angin, tetapi hadir dalam mindanya. Pengalaman ini membentuk idea pertamanya untuk menceritakan

semula, tetapi tidak begitu baik dan mantap. Justeru, A.Samad Said telah mencari maklumat dari karya-karya yang bertemakan peperangan seperti novel *War and Peace* oleh Leo Tolstoy, *Dr. Zhivago* oleh Boris Pasternak dan *A Farewell to Arms* oleh Ernest Hemingway (Hizairi Othman, 1996: 48).

Idea-idea yang timbul dalam proses menghasilkan karya genre puisi dan drama juga memperlihatkan berlakunya pemeraman idea terutama tatkala A.Samad Said memperolehi atau mendapat lintasan ilham tentang sesuatu kisah. Dalam kes penghasilan puisi *Al-Amin*, idea awal sememangnya sudah muncul lebih awal daripada keinginan yang sebenar. Cuma wujud perasaan khuatir dalam diri A.Samad atas kemampuannya untuk menulis sebuah puisi yang mampu mendatangkan hasil yang luhur sebagaimana keluhuran peribadi Baginda Rasul.

Keinginan untuk menghasilkan karya berkenaan Rasulullah itu muncul lagi dan hadir secara berulang kali empat tahun sebelum karya *Al-Amin* itu dapat disiapkan. Keinginan ini sangat kerap muncul dalam dirinya terutama sewaktu beliau sering mengembara ke seluruh tanah air. Malah, keinginan itu dianggap A.Samad Said sudah menjadi suatu kerinduan (lihat, A.Samad Said, *Al-Amin*, 1999:v). Idea yang muncul ini disimpan atau diperam sekian lama dalam kandungan jiwa dalaman diri A.Samad Said.

Kandungan jiwa dalaman inilah yang sangat misteri untuk dijelaskan, apabila selama tempoh empat tahun kemudian A.Samad Said mampu menyudahkan karya yang besar tentang sejarah Rasulullah. Sebuah karya puisi Melayu moden terpanjang abad ini. Ternyata, kandungan jiwa dalaman A.Samad Said yang terpapar dalam bentuk karya adalah satu perlepasan emosinya yang sangat bermakna. Maslow, tokoh Humanisme sangat mementingkan aspek kandungan dalaman jiwa ini dan mempercayai bahawa kandungan jiwa dalam ini menyatakan kualiti yang termulia manusia (Hassan Langgulung, 1991: 209).

Peringkat Iluminasi (*Illumination*)

Peringkat iluminasi adalah peringkat penyelesaian, setelah pengarang mendapat idea baharu daripada idea yang diperamkan. Pada peringkat ini, pengarang lazimnya mendapat ilham dari sumber-sumber yang tidak terjangka. Beberapa aktiviti di bawah sedar sangat aktif dan

bergerak dalam jalur kognitif yang menghadirkan inspirasi pengarang. Pengarang akan lebih banyak melakukan renungan, berimajinasi, membayangkan sesuatu dan mungkin berkhayal. Aktiviti-aktiviti dalaman (instrinsik) akan membantu memotivasi kreativiti pengarang ke arah menjayakan penulisannya.

Dalam proses penghasilan novel dan puisi, A.Samad Said juga berhadapan dengan aktiviti bahawa sedar seperti melakukan renungan, berimajinasi dan mengkhayalkan sesuatu bagi mendapatkan idea baharu, idea yang lebih baik. Perkara di bawah sedar ini menjadi tumpuan utama para *Psikoanalisis*, khususnya Sigmund Frued dan pengikutnya. Perbincangan Frued tentang sublimasi menjelaskan fenomena proses kreatif seni yang berkait langsung dengan kreativiti seni (Hassan Langgulung, 1991: 113). Walau bagaimanapun, menurut A.Samad Said, beliau tidak dapat menentukan secara pasti saat kehadiran idea-idea baharu itu, kerana perkara itu berlaku secara spontan, berkebetulan dan di luar jangka.

Mengambil pengalamannya menghasilkan *Salina, Sungai Mengalir Lesu* dan *Hujan Pagi* dan novel-novel lain serta genre puisi, A.Samad Said melalui tiga proses asas sebagaimana yang disarankan oleh Wallas, sebelum memulakan kerja-kerja penulisan. Bermula dengan cetusan idea, pengumpulan maklumat dan menyimpannya `buat sementara waktu` adalah kelaziman yang paling nyata pada diri A.Samad Said. Mengamati ragam ini, maka ada benarnya susur galur pemeringkatan proses yang dicadangkan oleh Wallas, dan boleh menjelaskan proses kreatif yang berlaku pada diri A.Samad Said.

Tetapi, masih tidak jelas sempadan tempoh masa persediaan dengan pemeraman dan iluminasi. Dalam kes *Al-Amin*, idea awalnya telah muncul awal, tetapi usaha menulisnya tidak dapat dilaksanakan. Ada dua sebab yang boleh diberikan, pertama; A.Samad Said tidak memiliki keyakinan diri untuk menulis pada peringkat awal. Ketidakyakinan ini disebabkan oleh usianya yang sudah menjangkau usia 60 tahun, kurang pengetahuannya tentang bahasa Arab dan kekhuatirannya pada ketinggian peribadi Rasulullah. Kedua, A.Samad Said tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk memulakan penulisannya.

Atas faktor itu, idea untuk menulis *Al-Amin*, diperamkan saja, tetapi masih mencari ruang untuk memperteguhkan keyakinan ke arah usaha murni itu. Dalam waktu idea berada pada peringkat inkubasi, A.Samad Said melakukan perenungan dalam diri yang berulang kali, menimbang kadar usia yang masih tersisa dan berdialog dengan hati sendiri. Sehingga pada suatu petang (senja), sewaktu berdiri di tepi

tebing Sungai Sarawak, A.Samad Said memperoleh keyakinan dan keputusan untuk menulis *Al-Amin*. Bermulalah langkah praktikalnya dengan usaha mencari dana dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Al-Amin tidak ditulis secara berterus tanpa henti. Tahun pertama setelah mendapat idea dan kekuatan untuk menulis, keadaan sepi seketika. Faktor kewangan telah melambatkan gerak kerjanya. Tiga tahun selepas itu, kerja menulis dimulakan dengan sungguh-sungguh, sehinggalah pada 29 Jun 1999, manuskrip *Al-Amin* berjaya disudahkan.

Tempoh penulisan ini adalah tempoh iluminasi A.Samad Said. Namun begitu, proses penulisan A.Samad Said (tidak hanya pada karya *Al-Amin*), fleksibel sifatnya. Pada ketika-ketika tertentu, beliau akan proses berpatah balik kepada peringkat persediaan, terutama, apabila beliau 'keputusan' maklumat. Dengan itu, beliau terpaksa melakukan penyelidikan, pembacaan bagi mengumpul maklumat-maklumat baharu yang boleh membantu mempertajamkan kreativiti dalam karyanya. Hal ini dijelas sendiri oleh A.Samad Said, antaranya:

- a. memang **terlalu lama saya menanti untuk menjernihkan segala**, mencari saat yang 'syahdu' dan hening, kerana tidak bakal lahir larik-larik rohaniah daripada kekacauan dan kekalutan perasaan dan fikiran (hal.x).
- b. beberapa kali saya mencubanya, gagal atau tidak puas, **lalu mengetepikan atau memusnahkannya**. Pada suatu ketika, **seperti terngiang-ngiang** dulu saya menemui kata-kata yang saya percaya wajar dan tetap sesuai sebagai pembuka puisi, **cepat-cepat saya catatkan**. Berapa kali **saya mengulanginya, menafikan dan merobah beberapa kata-kata** yang awal kerana ingin mencari rima dan frasanya. Beberapa kali pula **saya menghidupkan semula** beberapa kata yang saya percaya sesuai. Dan akhirnya saya berasa puas dengan larik dan rangkap yang saya cipta (hal.x)
- c. Pada ketika-ketia 'kosong' begini, biasanya **saya akan mengalihkan perhatian kepada fakta-fakta yang telah dipilih**. Saya cuba mendekatinya semesra mungkin, jika boleh menampakkan sendiri. **Saya cuba membandingkannya dengan fakta daripada sumber lain**. Dan kerja begini **biasanya akan mengalirkan saya semula kepada buku-buku yang telah dipilih** dan terkadang boleh melelakannya (hal.xi).

Contoh petikan di atas membuktikan, gerak laku dan aktiviti kognitif dan kognisi A.Samad Said sewaktu berada pada peringkat iluminasi. Malah jika diteliti, sebahagian daripada aktiviti itu memasuki ruang pengesahan (*verification*). Namun, dalam konteks penulisan ini, pengkaji lebih cenderung memahami pengesahan itu bermaksud pengesahan pada keseluruhan teks dengan mengambil kira pelbagai aspek yang mendukung tekstual teks berkenaan. Mengamati proses yang berlaku ini, dapat dikatakan bahawa peringkat iluminasi merupakan peringkat yang paling kompleks, sibuk, rencam dan kritikal pada diri A.Samad Said sewaktu berada dalam kondisi berkarya.

Dalam proses menghasilkan novel *Hujan Pagi*, A.Samad Said mengambil masa selama enam bulan untuk menyiapkan draf pertamanya. Tempoh ini tentu agak panjang berbanding dengan *Salina* yang hanya mengambil masa selama tiga bulan untuk siap. Hal ini berlaku kerana sifat teliti A.Samad ketika berhadapan dengan rencah rempah ratus pengalaman yang menjadi inti novel *Hujan Pagi*.

Beraskan penghuraian di atas, maka peringkat iluminasi yang sesuai bagi A.Samad Said tidak boleh terbatas kepada maksud yang diberikan oleh Paul E.Plesk yang menyebutkan *illumination is often very brief, involving a tremendous rush of insights within a few minutes or hours* (<http://www.directedcreativity.com>). Iluminasi dalam memahami proses kreatif A.Samad Said mengambil masa yang panjang lebih dari tempoh yang dinyatakan oleh Paul L.Plesk.

Pengesahan (*Verification*)

Seperti yang disebut dalam huraian tentang iluminasi, pengkaji mengambil sikap yang cenderung kepada memahami pengesahan sebagai pengesahan atas keseluruhan teks dengan mengambil kira pelbagai aspek yang mendukung tekstual karya. Peringkat pengesahan adalah peringkat akhir proses pengkaryaan. Menurut Mana Sikana (1996), penulis mendapat ilham dalam waktu bawah sedar kemudian menulisnya sewaktu berada dalam keadaan sedar (*conscious*). Pandangan ini sejajar dengan pandangan sarjana-sarjana lain yang percaya bahawa penulis berada dalam keadaan sedar sewaktu menulis.

Berdasarkan temu bual dengan A.Samad Said, jelas menunjukkan bahawa beliau berada dalam keadaan sedar (*conscious*) sewaktu menulis dan melakukan kerja-kerja semakan, pembetulan dan

pembaikan. Menurut A.Samad Said, pada peringkat akhir penulis, beberapa perkara menjadi amalannya, antaranya ialah membaca ulang apa yang telah dituliskan, memurnikan pada `tempat-tempat` yang dirasakan kurang menarik dan digantikan dengan larik-larik atau diksi yang lebih indah dan menarik. Dalam kes penghasilan puisi Al-Amin, A.Samad Said menyebutkan:

‘Memilih **kata dan frasa yang jitu**, membina rangkap yang indah dalam satu bentuk **yang telah pun `ditentukan`** memang amat mencabar. Tapi, sebaik terasa ada kata-kata yang mengalir – dan munasabah – saya merakamkannya semampu boleh. Terkadang larik-larik itu menjadi, tapi biasanya larik-larik itu masih **perlu dijernihkan** beberapa kali sehingga ia **benar-benar memuaskan** diri saya sendiri’.

(A.Samad Said,1999:xiii)

Kenyataan A.Samad Said di atas, menunjukkan bahawa untuk mengesahkan sesuatu pemilihan diksi dan larik dalam puisi mengambil kira pertimbangan yang dalam dan teliti, bersungguh-sungguh dan berulang kali. Perkataan perlu **dijernihkan** (dihitamkan) menunjukkan A.Samad Said masih dalam proses mendapatkan `pengesahan` atas pemilihan diksi dan larik-larik puisi yang dibuat sebelumnya. Pengesahan ini sampai kepada titiknya apabila beliau merasakan ianya benar-benar memuaskan hati.

Dalam proses penulisan novel *Langit Petang*, A.Samad Said terpaksa menaip semula novel yang dituliskan sebelum melakukan kerja pengeditan dan membuat beberapa perubahan pada tempat-tempat tertentu (Lihat A.Samad Said, 1987: 74). Novel *Langit Petang* sebenarnya sudah sampai pada peringkat pengesahan. A.Samad Said sekadar melakukan mana-mana perubahan tertentu sahaja sebelum novel itu benar-benar wujud dalam sifatnya sebagai sebuah manuskrip lengkap untuk dihantar kepada penerbitan. Meskipun, aktiviti pada peringkat akhir ini tidaklah `seteruk` aktiviti pada peringkat iluminasi, namun bagi A.Samad Said, peringkat ini sangat menuntut ketelitian.

Aspek-aspek tekstual yang membina karya diberi perhatian yang lebih seperti pemilihan diksi, watak dan perwatakan. Menurut A.Samad Said, apabila **menyemaknya semula**, inilah yang ditokok tambah di sana sini untuk menjadikan watak itu lebih berdarah daging

(A.Samad Said, 1987: 74). Untuk menyelesaikan kerja pengeditan ini sahaja, A.Samad Said mengambil masa lebih sebulan. Manakala bagi novel Hujan Pagi, sebahagian besar daripada masa enam bulan itu, banyak dikorbankan untuk kerja-kerja mengedit atau menyunting. Menulis itu menyunting dan A.Samad Said tidak pernah menyunting sekali – paling sedikit tiga empat kali, **tetapi biasanya lebih dari lapan kali** (Hizairi Othman,1996:63)

Rumusan

Mengamati kerja-kerja penulisan A.Samad Said, ternyata beliau dapat dirumuskan sebagai seorang sasterawan yang teliti dalam menghasilkan karya kreatif dan sampai kepada peringkat cerewet bagi mencapai tahap kesempurnaan karyanya. Sesuai dengan sikap dan pandangan beliau terhadap seseorang penulis. A.Samad Said menyebutkan, insan kreatif itu lazimnya amat berhati-hati; sentiasa menghalusi, sentiasa menilai, rajin berwaras dan bersabar mengeram sesuatu sebelum mencernakannya menjadi karya seni (Abdul Halim Ali, 2004: 19-21). Hal ini juga dapat menjelaskan bahawa peringkat pengesahan adalah peringkat penghakiman dalam keseluruhan proses kreatif A.Samad Said. Peringkat iluminasi adalah peringkat penghujahan. Berasaskan pemerinkatan proses yang dicadangkan oleh Graham Wallas, maka keseluruhan aktiviti yang berlaku dalam setiap peringkat proses kreatif A.Samad Said dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.

Dalam keseluruhan peringkat proses kreatif A.Samad Said, semua aktiviti yang berlaku tidak berteraskan kehendak agama. Keinginan yang tercetus baik di peringkat persediaan, pemeraman, iluminasi dan pengesahan berteraskan potensi kreatif diri sendiri. Melainkan dalam proses penghasilan puisi *Al-Amin*, A.Samad Said meletakkan keinginan untuk menghasilkan karya itu pada asas agama. Dapatan kajian ini membuktikan pengaruh persekitaran A.Samad Said amat mempengaruhi pembentukan dan penstrukturan aktiviti dalam setiap proses kreatif dalam penghasilan karya kreatif, di samping kekuatan potensi kreativiti diri A.Samad sendiri yang dapat disimpulkan sebagai anugerah Tuhan kepada dirinya yang memampukan dirinya berkarya dengan gerak kerja yang teratur, terancang dan puitis.

<p>a) <u>Peringkat Persediaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - cetusan idea dasar - membaca karya penulis lain dan buku-buku lain - merakamkan pengalaman - menyelidik - merangka inti cerita - dana/sumber kewangan 	<p>b) <u>Peringkat Pemeraman</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - simpan idea beberapa ketika - letusan idea daripada idea dasar - renungan - berimajinasi - pengamatan - mencari kekuatan diri - membaca karya/buku tambahan - penyelidikan lanjut
<p>c) <u>Peringkat Iluminasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - penerimaan perkara/idea baharu - menyaring - menambah - menolak - menafikan - memperbaharui - penggantian - pengesahan awal - pembetulan utama - menulis untuk menyiapkan draf 	<p>d) <u>Peringkat Pengesahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - konsisten menulis - semakan - pembetulan kecil - ulang baca - pengesahan keseluruhan dukungan karya/teks - edit/penyuntingan - tulis/taip semula - manuskrip siap

Rajah 1 Aktiviti-Aktiviti Dalam Proses Penciptaan Karya A.Samad Said Berasaskan Model Kreatif Graham Wallas

Rujukan

- A.Samad Said, 1976. *Benih semalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said, 1985. 'Duduk-duduk Di Hadapan Puisi'. *Dewan Sastra*. Ogos. Hlm. 28-30.
- A.Samad Said, 1987. *Dari Salina ke langit petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said, 1989. *Antara bulan dan wira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- A.Samad Said, 1999. *Al-Amin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said, 2003. *Suara dari dinding dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mohd. Kasim, 2000. 'Puisi Sebagai Fragmen Pengalaman Peribadi Penyair'. *Dewan Sastera*. Mei. Hlm. 39-41.
- Abdullah Tahir, 1990i. 'Tentang Proses Ciptaan Puisi.' *Dewan Sastera*. Februari. Hlm. 22-25.
- Abd. Wahab Hamzah, 2000. 'Puisi Di Pentas: Prosesnya Tidak Mudah'. *Dewan Sastera*. Keluaran Mei.
- Abdul Halim Ali, 2004. *Di sekitar puisi Melayu moden*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Abdullah Tahir, 1990. 'Tentang Proses Ciptaan Puisi', *Dewan Sastera*. Terbitan Februari.
- Ahmad Kamal Abdullah, 2000. 'Bibit Keindahan Seni Pengucapan Dalam *Al-Amin*' *Dewan Sastera*, keluaran Mei.
- Asmah Hj Omar, 2001. *Kaedah kajian bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atmazaki, Drs., 1993. *Analisis sajak*. Bandung, Jakarta: Penerbitan Angkasa.
- Bergquist, 1991. *A comparative view of creativity theories*. Manuskrip Tidak Diterbitkan. San Francisco: Syabook Institute.
- Campbell, L. et al., 2002. *Multiple intelligences: Metode terbaharu melesatkan kecerdasan*. (Terj). Jakarta: Inisiasi Press.
- Danziger, M.K. & Johnson, W.S., 1991. *Pengenalan Kritikan Sastera* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geoffrey Petty, 1997. *Creativity*. London: Kogan Page Limited.
- Hamzah Hamdani, *Muhammad Haji Salleh sebagai Sasterawan Negara: Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Sasterawan Negara: Muhammad Haji Salleh Pencari dan Pemikir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulong, 1991. *Kreativiti dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, 1997. 'Teori Sastera Pengkaedahan Melayu' dalam Mana Sikana (Pngr) *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hizairi Othman, 1996. *Proses kreatif dalam penciptaan karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Abdul Rahim, 1993. "Pemikiran kreatif dalam pembinaan generasi." Kertas Kerja Seminar Pemikiran Kreatif Anjuran Kelab pemikir Muda, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Utusan Malaysia, 28 Disember 1993.
- Kamus dwibahasa*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan*, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landry,C., 2000. *The creative city*. London: Earthscan Publication Ltd.

- Laporan panel anugerah sastra negara* 1991, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leonard M.S. Yong, 1993. *Kreativiti: Ke arah pembentukan masyarakat kreatif*. Kuala Lumpur: Incotrends (M) Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 1996. *Teori teksdealisme*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana, 2001. "Bacaan Teori: Interpretasi dan Pengembangan Puitika Sastra Melayu Muhammad Haji Salleh". Kertas Kerja Seminar Puitika Sastra Melayu. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 Mac 2001.
- Mana Sikana, 2003. 'Kepengarangan Muhammad Haji Salleh dalam *Aksara Usia* dalam Sohaimi Abdul Aziz (Ed) `Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh: Pencari dan Pemikir, Pulau Pinang, Penerbit USM.
- Masuri S.N., 1998. *Kreativiti dan kemanusiaan dalam kesusasteraan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd Affandi Hassan, 1992. *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan, 2003. *Pemikiran saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh, 1981. *Sajak-sajak sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, 1998a. *Aksara usia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, 1998b. *Pengalaman puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, *Latar belakang penulisan Muhammad Haji Salleh*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 8 Julai 2004.
- Othman Puteh, 1997. `Teori Penciptaan Karya Sastra` dalam Mana Sikana (Pngr) *Teori Sastra dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Penerbit UKM.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*, 1989. New York: Oxford University Press.
- Plesk, P.E. (1996). *Models For The Creative Process*. <http://www.directedcreativity.com>
- Rachmat Djoko Pradopo, 2000. *Pengkajian puisi*. Gadjah Mada, Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Rahman Shaari, 1993. *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Isin, 2000. `Menyeberang sejarah: Analisis pemikiran dan vision Muhammad Haji Salleh`. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Mei 2000.
- Ryan, K. & Cooper, J. M., 1995. *Kaleidoscope, readings in education*. Seventh edition, Houghton Mifflin Company, Boston.
- Sarah Sadon, 2004. *Koleksi terpilih sasterawan negara A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sohaimi Abdul Aziz, 1984. "Karya Parodi daripada Sejarah Melayu: Suatu Pendekatan Genetik". Dalam *Kesusasteraan bandingan sebagai satu disiplin*. Selenggaraaan Abdul Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz, 1998. *Rasa-fenomenologi: Penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, 1978. *Penglibatan dalam puisi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Publications.
- Shahnon Ahmad, 1991. *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidney, T. W., 1976. *Creativity*. New Jersey: General Learning Press.
- Sohaimi Abdul Aziz, 2003. *Muhammad Haji Salleh: Pencari dan pemikir*. Mieden: Penerbit USM.
- Stevens, B.K. & Stewart, L.L, 1996. *A guide to literary criticism and research*. New York: Harcourt Brace College Publishers Carlisle.
- Talib Samat, 2002. *Karya terpilih sasterawan negara dalam esei dan kritikan*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Talib Samat, 2008. *Proses kreatif dan pengalaman berkarya*. Tanjong Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Thomas B. Ward, et al., 1997. *Creative thought: An investigation of conceptual structures and processes*. (Ed) Washington: American Psychological Association.
- Vincent Ryan Ruggiero, 1995. *The art of thinking*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Vincent Ryan Ruggiero, 1995. *The art of thinking: A guide to critical and creative thinking*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Yee Kam Keong, 2002. *Bebaskan kreativiti anda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Sumber internet:

<http://www/directedcreativity.com>

<http://www.vub.ac.be/CLEA/liane/>

<http://www.vantagequest.org.carlisle>